



## KENYATAAN MEDIA

12 Ogos 2016

### **UniMAP KEKAL KUASAI BOLING DAN OLAHRAGA SUKUM 2016**

Nilai, 12 Ogos – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melakar kecemerlangan di Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2016 apabila muncul juara keseluruhan bagi acara olahraga dan tenpin boling.

Pada kejohanan yang menghimpunkan warga Universiti Awam (UA) seluruh negara yang dihoskan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu, UniMAP berjaya membolot enam pingat emas daripada 10 pingat emas yang dipertandingkan dalam acara tenpin boling.

Lebih membanggakan, atlit tenpin boling UniMAP, Mohd. Zulfauzi Mohd. Sawal menyapu bersih kesemua lima pingat emas bagi kategori lelaki iaitu menerusi acara perseorangan lelaki, berpasangan lelaki yang menggandingkan beliau dengan Nurakmal Ramli, berkumpulan lelaki, all event lelaki dan masters lelaki.

Satu lagi pingat emas menerusi tenpin boling disumbangkan oleh Prof Dr. Rosni Bakar dan Mahzura Mahmood menerusi acara berpasangan wanita.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan selaku Ketua Kontinjen UniMAP berkata selain enam pingat emas itu, acara boling turut menyumbang tiga perak dan satu gangsa.

“Pingat perak disumbangkan menerusi acara all event lelaki (Nurakmal), all event wanita (Mahzura) dan acara berpasukan wanita manakala satu pingat gangsa disumbangkan Nurakmal dalam kategori *single* tenpin boling lelaki,” katanya.

Menurut Mohd Foad, selain acara boling, UniMAP juga mengungguli acara trek dan balapan yang berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM menerusi 14 pingat emas, lapan pingat perak dan lima pingat gangsa.

Bagaimanapun, ujar beliau, berdasarkan jawatankuasa teknikal olahraga, pingat individu mengikut acara dikelompokkan kepada empat kategori sahaja iaitu lelaki senior, lelaki veteran, wanita senior dan wanita veteran sekaligus menjadikan hanya empat pingat yang ditawarkan menerusi acara olahraga.

Sungguhpun begitu, ujar beliau, barisan atlit UniMAP berjaya memenangai dua pingat emas iaitu menerusi kategori lelaki dan wanita senior dan lebih membanggakan, UniMAP mengungguli kategori lelaki senior apabila berjaya memperolehi lapan pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa daripada 10 acara yang dipertandingkan.

“Bagi kategori wanita senior pula, UniMAP memperoleh lima pingat emas, enam pingat perak dan satu pingat gangsa manakala satu pingat emas diperolehi menerusi kategori lelaki veteran serta masing-masing satu pingat emas dan gangsa menerusi kategori wanita veteran.

“Kejayaan ini sememangnya sesuatu yang telah kita jangkakan, memandangkan UniMAP sebagai sebuah UA yang baharu berusia 14 tahun sememangnya mempunya kakitangan yang berusia di bawah 40 tahun yang menjadi sandaran bagi kategori lelaki senior.

“Selepas ini, UniMAP akan menumpukan usaha untuk memperkasakan atlit bagi kategori lelaki dan wanita veteran dan pastinya akan memberikan saingan sengit pada edisi SUKUM akan datang,” ujarnya lagi.

Pingat emas UniMAP bagi kategori lelaki senior ialah menerusi acara 100 dan 200 meter menerusi Mohd. Helmi Ahmad, 400 meter (Idris Zakaria), merejam lembing (Mohd Akmal Mad Zain), melontar peluru (Adi Alifuddin Hussin), melempar cakera (Firdaus Jamen) serta acara 4x100 (Mohd. Helmi, Idris, Mohd. Robani Hassan dan Nazmizan Muhammad) dan 4x400 meter yang diberisi oleh (Mohd. Baihaqi Razlan, Nazmizan, Mohd. Robani dan Idris).

Bagi kategori wanita senior pula, UniMAP meraih pingat menerusi ratu pecutnya Norhaslinda Md Hussein bagi acara 100 dan 200 meter, Nur Atikah Awang (400 meter), Farah Ainumi Hanum Anuar (1,500 meter) serta 4x400 meter (Norhaslinda, Afifah Saad, Farah Ainumi Hanum dan Nur Atikah).

Sebanyak 21 pasukan mengambil bahagian dalam SUKUM 2016 dengan pembabitan lebih 3,600 atlet dan pegawai. Selain tenpin boling dan olahraga, terdapat 14 acara sukan dipertandingkan antaranya, bola sepak, bola jaring, bola tampar, catur, futsal, berbasikal, karom, dart, ping pong, badminton, tarik tali, sepak takraw dan tenis.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Suhana Abdul Mutalib**

**(Unit Perhubungan Media UniMAP)**